

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah syarikat dan pekerja yang menyertai program vaksinasi melalui program PROTEX di bawah anjuran Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan apakah mekanisme pembayaran yang perlu dibuat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan Program Vaksinasi Tenaga Kerja Nasional (PROTEK) yang menawarkan pilihan kepada majikan secara sukarela bagi mempercepatkan proses penerimaan vaksin di samping meningkatkan kadar imuniti kelompok (*herd immunity*) dalam kalangan pekerja mereka.

Inisiatif PROTEK yang bermula awal Ogos 2021 mampu mempercepat serta melancarkan proses penerimaan vaksin dalam kalangan pekerja seterusnya membuka semula pengoperasian aktiviti ekonomi di Malaysia seperti sedia kala. Bagaimanapun, berdasarkan situasi semasa di mana kadar penerimaan vaksin yang semakin meningkat dan juga langkah proaktif yang dilaksanakan oleh KKM dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam mempercepat proses vaksinasi kepada Rakyat Malaysia, maka dengan ini pihak KSM telah memutuskan untuk tidak meneruskan inisiatif ini.